



قلمیت برونی Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

28 BILANGAN 25

RABU 22HB JUN, 1983.

1403 رابو 11 رمضان

PERCUMA

PENGHUNI 2 RUMAH KERAJAAN DITEGAH MEMELIHARA TERNAKAN

Oleh : Muhaimin HM.



Setiausaha Lembaga Bandaran B.S.B., Awang Ahmad Bukhari

Ahmad Bukhari bin PSRK Haji Abu Hanifah memberitahu PELITA, langkah yang diambil itu adalah berdasarkan kepada undang-undang atau peraturan yang ada iaitu Undang-Undang Kecil 162 daripada Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran (Sanitary Board) 1920 ada menyebutkan, "Melarang tuan punya atau penghuni rumah di dalam kawasan bandar daripada memelihara binatang yang mengganggu ketenteraman orang lain atau pada pandangan pegawai kesihatan boleh dikenakan denda".

Beliau mengingatkan, jika sekiranya satu notis dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini dan notis itu tidak diindahkan, maka orang yang menerima notis tersebut boleh dikenakan denda di bawah Bab 7 Undang-

Undang Lembaga Bandaran.

"Di bawah Bab 7 Undang-Undang Lembaga Bandaran, jika seseorang itu didapati bersalah boleh didenda hingga \$500.00 dan jika kesalahan itu berterusan boleh pula didenda hingga \$50.00 sehari selama kesalahan itu masih lagi dilakukan," tegas Awang Ahmad Bukhari.

Walau bagaimanapun pihak Lembaga Bandaran, tambahnya, akan mengambil tindakan awal melalui saluran-saluran pentadbiran supaya teguran dari pihak Lembaga akan dipatuhi oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat.

Menurut Awang Ahmad Bukhari pihak Lembaga Bandaran memang ada mengirim memo/surat kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai perumahan di kawasan bandar.

Oleh itu, katanya, Lembaga Bandaran meminta supaya kegiatan

Lihat muka 18

Derma utk anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abd. Rahim bin Abu Bakar dan rakan-rakan dari Bahagian Pemunggaan, Pelabuhan Muara telah menderma sejumlah \$250.00 kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara.

Derma tersebut telah disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin di pejabat beliau pada hari Sabtu lepas — A.K.

LIMA ORANG DIDENDA KERANA TIDAK PUASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai lima orang setakat ini telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi kerana didapati minum di tempat awam pada siang hari dalam bulan Puasa ini.

Seorang dari mereka ialah dari Daerah Brunei-Muara ia-itu Awang Ibrahim bin Mutusman dari Kampung Kasat. Awang Ibrahim yang melakukan kesalahan sedmikian bagi kali kedua kalinya telah mengaku salah dan dijatuhkan hukuman

denda sebanyak \$75.00.

Empat orang yang lainnya dari Daerah Temburong. Mereka ialah Sld. 5990 Ismail bin Haji Idris, Sld. 7284 Nordin bin Ahmad, Sld. 7204 Ahmad bin Tengah dan P. Kanakapilal Abd. Majeed Mohamad Bahurudeen.

Mereka telah didapati bersalah oleh Mahkamah Daerah tersebut dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$30.00 tiap-tiap seorang. Kesemua mereka telah membayar denda tersebut.



Pembinaan reban ayam seperti dalam gambar atas sama sekali ditegah dan perbuatan itu adalah melanggar peraturan yang ada.

Ketua2 Jabatan tinjau berbagai projek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua jabatan dari jabatan-

jabatan kerajaan yang terlibat dengan berbagai projek pembangunan dan pembinaan sekitar Bandar Seri Begawan baru-baru ini telah mengadakan lawatan sambil memerhati ke beberapa projek pembinaan dan pembangunan yang sedang di laksanakan.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti secara lebih dekat di samping memastikan semua

projek-projek itu berjalan lancar dan menepati sebagaimana yang di hasratkan oleh kerajaan. Kerana projek-projek tersebut sebahagiannya adalah merupakan perubahan-perubahan yang menjadikan ibu negara hampir bertukar wajah yang akan dapat dilihat lebih cantik dan dirasakan lebih selesa dengan adanya

Lihat muka 18



22hb. JUN, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MERDEKA — MINAT DAN PERHATIAN RAKYAT

Tidak lama lagi kita akan merdeka, tetapi keghairahan terhadap kemerdekaan itu dikatakan belum ketara sebagaimana yang sepatutnya. Malah dikatakan juga bahawa suasana menjelang kemerdekaan itu masih berupa kesebukan-kesebukan oleh beberapa persiapan fizikal seperti bangunan-bangunan baharu, pembaikan sistem lalu lintas dan seumpamanya.

Memang benarlah bahawa rasa keghairahan terhadap kemerdekaan itu belum kelihatan secara menonjol. Tetapi itu bukanlah menandakan bahawa rakyat tidak memberi perhatian terhadapnya. Minat orang ramai kepada hal ehwal negara dan Kerajaan sebelum dan semasa menjelang kemerdekaan sekarang ini dapat dikesan menerusi suara mereka yang didengar dalam hampir setiap acara pertemuan-pertemuan Penerangan. Malah tanggapan bahawa suasana sekarang lebih disebabkan oleh beberapa persiapan fizikal itu adalah dikesan dengan lantang sebagai menandakan minat dan perhatian mereka kepada kemerdekaan yang akan dicapai tidak berapa lama lagi itu. Dari segi ini minat dan perhatian sedemikian itu tidak tepat untuk dikatakan sebagai menandakan keghairahan yang menonjol jika ertikata keghairahan terhadap kemerdekaan itu ialah adanya laungan suara-suara atau semboyan kata-kata seperti yang pernah terdapat pada kebanyakan bangsa yang telah merdeka semasa mereka dalam era menuntut kemerdekaan masing-masing membawalah semasa menjelang dan sejurus selepas mereka mencapai kemerdekaan.

Jika ukuran yang sedemikian itu hendak dipakai bagi mentaksirkan keghairahan yang sepatutnya ada di kalangan kita terhadap kemerdekaan negara ini maka

memanglah kita belum — dan memang tidak akan — menampaknya dalam konteks kemerdekaan kita. Dalam pada itu tidak bermakna minat dan perhatian yang ada setakat ini tidak menandakan adanya keghairahan di kalangan rakyat menurut kadarnya yang berpatutan dan sesuai pula dengan ertikata kemerdekaan yang akan dicapai itu bagi kita dan bagi negara kita serta sesuai dengan pencapaiannya yang tidak dapat disamakan dengan pengalaman bangsa dan negara-negara lain.

Yang nyata kemerdekaan yang akan dicapai tidak akan merupakan suatu peralihan kuasa dari kuasa kolonial kepada kuasa nasional seperti kemerdekaan tanah-tanah jajahan. Kemerdekaan itu dalam konteks negara ini ialah suatu penyempurnaan proses pengambilan alih semula tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Adapun mengenai kuasa memerintah sudah pun sedia ada di tangan kita dengan kita mempunyai Raja yang berdaulat, Kerajaan yang berfungsi; dan lama sebelum menjelang kemerdekaan itu kita sudah menyelesaikan dan merumuskan asas-asas penting kenegaraan seperti mengenai kuasa memerintah dan kerakyatan misalnya.

Dan sehubungan dengan itu penting pula ditegaskan lagi bahawa kita mencapai kemerdekaan tidak dengan menuntunya. Kita tidak menjadikan kemerdekaan itu

suatu 'kes' di luar dari konteks berdasarkan taraf Brunei sebagai jahan inggeris — di bawah perpelekan tara kedua pihak. Pemahaman sebenar itulah dipercayai bertanggungjawab dalam meneliti dan menghuraikan masalah-masalah yang perhubungan Brunei dengan dunia dalam masa yang sama ia berpada politik dalam negeri. Pegangan mengenai taraf sebenar negara itu melemahkan sebarang implikasi atau sahaja dibangkitkan sebagai Brunei dengan Great Britain.

Pendek kata hakikat kemerdekaan itu dan corak pencapaiannya adalah bertanggungjawab membentuk suatu sama sekali berlainan dari suasana pencapaian kemerdekaan yang negara-negara lain. Kerana itu jangan belum menampakan keghairahan maka itu tidak bermakna mereka kurang memberi perhatian kepada perhatian rakyat sebagaimana yang terhadap kemerdekaan yang akan sangat berpatutan di mana mereka tahu berhubung dengan hal ehwal menyatakan jangkaan mereka daripada aspirasi mereka terhadap Brunei Darussalam yang bertukar sekalipun tidak ada keghairahan yang dinampak dalam suasana menjelang sekarang ini berupa kata-kata atau semboyan namun yang jelas dan berpatutan memberi perhatian kepada dan menjangkakan suatu pertanggungjawab dalam mengisi masa depannya sesuai dengan tanggungjawab dalam mengisi masa itu.

Asas kepada kestabilan, keutuhan dan kemajuan negara:

KEMAJUAN PELAJARAN KRITIKAL DAN STRATEGIK

Berikut diperturunkan teks ucapan Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pelajaran di Majlis Pembukaan Rasmi Hari Ibu bapa tahun 1983 bertempat di Padang Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 5hb Jun, 1983.

pertalian yang erat antara satu dengan yang lain.

Di peringkat pertama, suasana yang menggalakkan hendaklah diadakan di Jabatan Pelajaran sendiri untuk membolehkan khususnya pegawai-pegawai ikhtisas menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka masing-masing di dalam suasana penuh aman, harmoni dan "bermucung-mucung" di semua peringkat demi membangkitkan dan bukannya melumpuhkan idealisma dan daya creative yang sedia ada di kalangan mereka sesuai dengan konsep "delegation of authority" yang terkawal. Ke arah itu Jabatan Pelajaran secara tidak formal telah pun, sejak beberapa bulan yang lalu, perlahan-lahan menyerap dan memperaktikkan konsep "Quality Circle" di peringkat-peringkat atasan Jabatan Pelajaran. Konsep "Quality Circle" itu akan perlahan-lahan diserapkan ke semua peringkat-peringkat di Jabatan Pelajaran dan apabila sudah tiba masanya kelak maka "Quality Circle" akan ditubuhkan di semua peringkat secara formal sebagai asas usaha-usaha yang berancang yang berpanduan prinsip-prinsip pengurusan dan pengolahan yang lebih teratur pada melaksanakan matlamat-matlamat Dasar Pelajaran Negara yang ada dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Sememangnya kita juga menyedari bahawa tiap-tiap Jabatan Kerajaan itu juga mempunyai pertaliannya dengan masyarakat di sekelilingnya. Dan sama ada masyarakat di sekelilingnya ikut serta dan membantu usaha-usaha Jabatan yang berkenaan itu terserahlah

kepada usaha-usahanya untuk memelihara mutu pertalian itu supaya anggota-anggota masyarakat yang berkenaan benar-benar melibatkan diri mereka di dalam proses kemajuan negara menurut kemampuan masing-masing. Dengan lain perkataan suasana yang menggalakkan jua hendaklah dibina di kalangan masyarakat yang mengelilinginya. Akan tetapi dengan hanya melaung-laungkan tentang pentingnya penyertaan anggota-anggota masyarakat yang berkenaan atau pun memainkan slogan-slogan atau cogan-cogan kata yang bersemangat belum lagi tentu boleh menggerakkan mereka untuk sama-sama berkecimpung secara berkesan di dalam proses kemajuan negara en masse, apatah lagi dalam keadaan yang ada sekarang.

TARGET GROUP

Di dalam konteks ini perubahan label "Hari Pelajar" kepada "Hari Ibu bapa" bolehlah disifatkan semata-mata sebagai langkah permulaan yang bertujuan untuk mengenal (identify) "target group" yang mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dalam kemajuan pelajaran dan perlahan-lahan menarik minat dan membangkitkan rasa bertanggungjawab mereka terhadap pendidikan anak-anak mereka sendiri. Sememangnya langkah-langkah "follow-up" perlu diambil dan antara langkah-langkah itu termasuklah menghidupkan dan memperbaiki perjalanan jawatankuasa-jawatankuasa sekolah untuk bukan sahaja memperkukuhkan peranan guru sebagai pemimpin dalam masyarakat, terutama sekali di dalam masyarakat desa tetapi tidak

kemudahan-kemudahan yang diadakan serta kemampuan dan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Pelajaran, pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan yang berkenaan sememangnya memiliki bukan sahaja pengetahuan-pengetahuan ikhtisas, bahkan juga pengetahuan-pengetahuan tentang prinsip-prinsip, technique serta daya kemahiran pengurusan dan pengolahan yang bernafaskan kecekapan, berdisiplin dan harmonis. Perkara ini tidak dapat dinafikan walaupun ada pihak-pihak yang tertentu yang kadangkala nampaknya lebih suka memperkecil-kecilkan pengetahuan dan kebolehan mereka itu tanpa mengambil kira beberapa pertimbangan yang empatik. Akan tetapi segala usaha-usaha Jabatan Pelajaran meskipun ianya berpandu kepada pengetahuan-pengetahuan ikhtisas dan prinsip-prinsip pengurusan dan pengolahan yang mendalam, akan kurang dari segi kesan-kesan dan hasil-hasil yang diharapkan, kalau usaha-usaha itu diselenggarakan di dalam suasana (climate) yang kurang menggalakkan/atau kurang memberangsang.

SUASANA MENGGALAKAN

Sepertimana yang kita semua menyedari bahawa dengan adanya suasana yang menggalakkan sahaja maka usaha-usaha kita di dalam mana-mana bidang pun akan boleh berkembang dengan lancar maknanya dan, insya Allah, akan menghasilkan faedah-faedah yang diharapkan. Konsep suasana (climate) itu bolehlah kita bahagikan kepada dua peringkat yang mana kedua-dua peringkat ini mempunyai

Pada melaksanakan Dasar Pelajaran 1972 menurut

kurang penting merapatkan lagi komunikasi di antara ibu bapa ke sekolah seperti penyertaan pada berkesan lagi

Akhir kata, ini memang kontroversial, bukannya perhubungan dan perdebatan hangat di kalangan tertentu, khususnya yang digelar sebagai di sebarang pegawai Jabatan Pelajaran adalah pegawai yang bertanggungjawab memikirkan yang sememangnya menggalakkan saranan dan yang membawa Jabatan Pelajaran kemajuan pelajaran. Tetapi golongan terpelajar, penting sekali, dewasa dengan fikiran matang, punya kemampuan sebarang cadangan-cadangan tidak difikirkan masak-masak dan cadangan-kad, tawaran, saranan-saranan sentimen yang daripada yang rasional maknanya memperkukuhkan yang sesuai berusahan mekanisme sedemikian itu. Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran anggota masyarakat ibu bapa "bermucung-mucung" jasanya, landasan yang bertepatan pada masa yang kita ini pelajaran yang tidak dapat apatah lagi ada sekarang tekad, keupayaan semua pihak menggalakkan Pelajaran mendidik tiada sebab demi seaneh matlamat pendidikan sesuai dengan ini "INDE DEDIKASI -PENDIDIKAN"

BRUNEI, Hari Rabu 22hb Jun, 1983.

PPNB DISERU SUMBANGKAN KHIDMAT PERBAIKI ALAM PENDIDIKAN

Oleh: Muhaimin HM

BANDAR SERI BEGA-
Pegawai Daerah
Muara, Awang
Mohammad meng-
gar Persatuan
Nasional yang
semangat
alam pen-
didikan.
bukan hanya
melindungi ahli-
semata-mata un-
perubahan peribadi.

Pendidik Na-
dialehkan demi
baik budi bicara
sebagai pen-
dan seterusnya
sumbangkan khidmat
memperbaiki alam
pendidikan di negara
yang tercinta ini.

Perbarisan tamat latihan

BANDAR SERI BEGA-
Seramai 83
rekrut Askar Melayu
Brunei Bagi
ke-59 akan
matikan latihan me-
pada 1hb. Julai, 1983.

bagi menandakan
latihan itu satu
perbarisan akan
di Padang Kawat
kemah Bolakiah
jam 7.30 pagi.

Pegawai Kerja Raya,
Berbormat Pengiran
Ismail bin Pengiran
Damit akan
tabik kehormat
dan menyampaikan
kepada rekrut ter-
dan jurulatih terbaik.

perbarisan yang juga
diikuti oleh pasukan
regiment itu
diperintah oleh Kap-
tani Sharbini bin Haji
Damit.

Sebagaimana lazimnya
pengambilan rekrut
tamat latihan akan
dalam satu majlis
besar.

Majlis makan besar bagi
pengambilan ke-59 ini
diadakan pada 29hb.
1983 bertempat di
Masak Pusat
Perkemahan
jam 6.30 petang.

Terima kehormat di
ini ialah Pengarah
Raya Yang Berhormat
Pengiran Dr. Ismail
Pengiran Haji Damit.
pada malam itu
dikurangkan dengan
dari platoon
akhir dengan
pemberian hadiah
platoon terbaik.

sebagai tenaga pendidik
yang mantap dan
melaksanakan kegiatan-
kegiatan dalam konteks
memperbaiki alam pen-
didikan.

Berucap demikian
ketika merasmikan
Mesyuarat Agung Persa-
tuan Pendidik Nasional
Brunei kali yang ketiga
bertempat di Pusat Belia
di sini pada 10hb. Jun
lepas, beliau berkata,
adalah menjadi tanggung-
jawab anggota-anggota
PPN untuk berusaha
memahami keadaan
sebenarnya masyarakat Brunei
demi membolehkan
merekah menyusun aktiviti-
aktiviti yang berkesan,
bersesuaian dan
bertepatan bagi mengisi
aspirasi negara di bidang
pendidikan.

Awang Haji Mohammad
menyatakan PPN adalah
suatu trend yang baik un-
tuk membolehkan mereka
yang berkemahiran di
bidang pendidikan
menyalurkan buah fikiran
dan tenaga secara sukarela
dengan menepati kehen-
dak negara.

"Di samping itu, patut
juga disadari bahawa PPN
yang dikategorikan sebagai
sebuah persatuan profesio-
nalan haruslah tidak lari
dari pengiktirafan sebagai
sebuah persatuan sukarela
dan 'non-profit making',
tetapi sumbangan persa-

tuan tersebut pada men-
ingkatkan ilmu pendidikan
di negara ini haruslah
diberi lebih keutamaan",
tegas Awang Haji Moham-
mad.

Beliau seterusnya
menyarankan kepada PPN
agar persatuan tersebut
membuat dan memikirkan
sesuatu rancangan secara
jangka-panjang dan
memberi kesan kepada
alam pendidikan negeri ini
dan tidak membuat
sesuatu perancangan itu
secara terburu-buru.

Awang Haji Mohammad
juga menyentuh tentang
pengaruh-pengaruh luar
yang melanda negeri ini di
mana sedikit sebanyak
telah menjejaskan disiplin
di kalangan para penuntut

Waktu catuan air diubah

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Catuan air ke
seluruh Daerah Brunei-
Muara dan Tutong yang
dulunya dilakukan setiap
hari dari jam 9.00 malam
hingga jam 5.00 pagi di
ubah kepada jam 10.00
pagi hingga 3.00 petang.
Perubahan ini di lakukan
sepanjang bulan puasa
sahaja.

Sementara itu orang
ramai adalah dinasihatkan
supaya berjimat-cermat
dalam penggunaan air.

Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang
keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih
sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait
dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-
harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 15hb. Jun 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. PUSU KERING: \$8.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
2. Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.

2. SAYOR PUCOK: \$4.00 sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
2. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Roberts.

3. LAKSA PUTEH: 0.80 sen sekotak boleh dibeli dari kedai
berikut: —

1. Tee Seng, No. 8, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING: \$7.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
2. Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.

2. SAYOR PUCOK: \$4.50 sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Eng Soon Seng, 58, Jalan Pretty.

3. LAKSA PUTEH: 0.85 sen sekotak boleh dibeli dari kedai
berikut: —

1. Teo Hing Hng, No. 45, Jalan Pretty.
2. Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.

SERIA

1. PUSU KERING: \$7.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

2. SAYOR PUCOK: \$4.20 sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —

1. Chin Soong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.

3. LAKSA PUTEH: 0.85 sen sekotak boleh dibeli dari kedai
berikut: —

1. Choo Heng & Co, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.

yang boleh melemahkan
pembelajaran para pela-
jaran dalam usaha
membentuk warga negara
yang dicita-citakan.

Oleh itu, tambahnya,
jika aspek tersebut ter-
masuk dalam alam pen-
didikan adalah perlu bagi
Persatuan Pendidik Na-
sional turut mengatur
langkah bagi memikirkan
cara-cara memperbaiki
disiplin yang telah terjejas
itu disebabkan oleh gejala
pengaruh-pengaruh luar
agar kita dapat memben-
tut satu masyarakat yang
dicita-citakan.

Terdahulu dari itu
ucapan alu-aluan telah
disampaikan oleh Presiden
Persatuan Pendidik Na-
sional Brunei Awang Abd.
Ghani bin Bujang.
Seramai 63 orang ahli-ahli
baru persatuan tersebut
telah menerima sijil
keahlian mereka pada hari
itu yang telah disampaikan
oleh Pegawai Daerah
Brunei dan Muara.

Persatuan Pendidik Na-
sional Brunei telah
ditubuhkan pada tahun
1981 dan hingga ke hari ini
persatuan tersebut mem-
punyai keramaian ahlinya
di seluruh negara kira-kira
213 orang.

Memucang2 bersih kubur

JALAN TUTONG. — Te-
lah menjadi kelaziman
bagi orang-orang Islam
apabila hampir menje-
langnya bulan Ramadan
ataupun menjelang Aidilfitri,
ramailah kaum
keluarga maupun para
penduduk sesebuah kam-
pong berduyun-duyun
menziarahi tanah per-
kuburan.

Tujuan mereka semata-
mata bagi memperingati
mereka yang telah lama
bersemadi mengadap Tu-
hannya, bagi yang hidup
pula menadahkan tangan me-
manjatkan doa semoga
roh-roh mereka mendapat
rahmat daripada-Nya.

Belum lama ini, seramai
kira-kira lima puluh orang

penduduk-penduduk
Kampung Bangkurong te-
lah mengadakan kerja me-
mucang-mucang member-
sihkan perkuburan orang-
orang Islam di tiga buah
tempat yang berasingan
iaitu perkuburan Sinar
Rubai, Telanai batu 4 dan
Renggu, Jalan Tutong.

Kerja-kerja itu merupa-
kan salah satu projek ta-
hunan penduduk-pen-
duduk Kampung berkena-
an yang diketuai oleh
Ketua Kampung Bangku-
rong Awang Haji Chuchu
bin Nayan. Setelah selesai
kerja-kerja pembersihan,
diikuti pula dengan majlis
tahlil dan doa yang di-
lakukan di kawasan
perkuburan tersebut.



Sebahagian daripada penduduk-penduduk Kg. Bangkurong ketika membersihkan kubur orang-orang Islam di Telanai batu 4.



Awang Sumadi Sukaimi salah seorang ahli baru PPN menerima sijil keahliannya yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan melukis logo Daerah Tutong

TUTONG. — Pelukis-
pelukis tempatan di
Daerah Tutong adalah
dipelawa untuk menyertai
peraduan melukis Logo
bagi Daerah tersebut.

Logo boleh dilukis
dengan menggunakan
warna yang tidak lebih
dari empat warna (ter-
masuk warna putih).
Logo-logo yang direka
haruslah termasuk antara
lain :

- i) Mengambil kira kedudukan keadaan Daerah Tutong,

dalam negara Brunei
Darussalam
keseluruhannya.

- ii) Mempaparkan kegiatan-kegiatan (ekonomi, sukan, kebudayaan dan lain-lain) puak-puak yang terdapat di Daerah Tutong.

- iii) Dengan mengambil sukut kemajuan negara (bekalan air di Layong dan satellite bumi), Tasik Merimbun alam semulajadi, Pantai Seri Kenangan dan apa jua pembangunan negara di daerah itu.

Setiap peserta hanya
dibolehkan menghantar
sebuah logo sahaja dan
setiap penyertaan hen-
daklah disertakan dengan
borong yang boleh di
perolehi dari Pejabat
Daerah Tutong.

Setiap Logo hendaklah
dilukis di atas kertas tebal
yang berukuran 18"x24"
dan tidak lebih 24"x30".
Penghuraian logo dan
warna-warna adalah juga
diperlukan.

Peserta-peserta yang
berjaya akan diberi hadiah
menurut peringkat iaitu
baik, terbaik dan amat
baik.

Tarikh tutup penyer-
taan ialah pada 3hb. Ogos,
1983.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

BERTAMPAL gigi yang berlubang dan buruk itu harus pada syarak dan (boleh dilakukan) ditampal dengan emas atau perak atau lain-lain logam, ialah menurut suatu hadis yang di riwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan At-Termizi dan kata Al-Imam At-Termizi hadis itu hasan bahawa sahabat Arfajah bin As'ad telah terpotong hidungnya dalam peperangan Kulab dalam zaman jahiliyah dan dia telah membuat hidung ganti hidung yang terpotong itu dari perak dan berbau busuk, maka Nabi s.a.w. telah menyuruh ia

PERKARA BERTAMPAL GIGI DAN MEMOTONG RAMBUT

Siri ke-188

membuat hidung ganti dari emas.

Tiada harus mencabut tampal gigi daripada orang mati, kerana menyakiti orang mati, dan mencerooboh kehormatan orang mati itu dan menyakiti orang mati adalah berdosa dan haram.

Harus dicabut gigi yang sakit dan buruk, kiranya gigi yang sakit itu memberi

mudarat kepadanya dengan nasihat seorang doktor yang adil (bukan fasik).

HARAM DI LIHAT RAMBUT PEREMPUAN

Kuku yang dipotong dan rambut yang digunting atau dicukur atau gugur dan darah yang keluar seperti darah luka dan anggota yang terpotong waktu masa hidup, semuanya sunat ditanam.

Adapun rambut perempuan, kuku perempuan, dan darah bakam perempuan yang ajnabiyah yang halal nikah, adalah haram dilihat oleh laki-laki ajnabi yang halal nikah, sekalipun rambut, kuku dan darah itu telah terpisah daripada perempuan itu. Kerana menurut kaedah, bahawa tiap-tiap yang haram dilihat waktu ia bersambung dengan perempuan itu, maka

haram juga dilihat tiap-tiap yang haram dilihat daripada perempuan itu telah berpisah atau bercerai daripada perempuan ajnabiyah itu.

Begitu juga haram di atas perempuan ajnabiyah yang halal nikah melihat sesuatu daripada laki-laki ajnabi sama ada anggota itu masih bersambung dengan laki-laki atau

sudah berpisah atau bercerai daripadanya.

Ini semua dari kata-kata Al-Mughni, Syahrur-Ram Bajrami, Al-Bajuri, Al-Qarib, Al-Fathil Mu'in dan Ala Ba Fadl.

WAAALAHU

SATU KELUARGA MEMELUK ISLAM

LABI. — Satu keluarga Iban seramai sepuluh orang telah memeluk agama Islam di satu majlis yang berlangsung di Kampung Terawan di sini baru-baru ini.

Mengetuai keluarga tersebut Awang Linggu anak Engkarabau, 38 tahun dan isterinya Dayang Hamimah bte

Kalimang, 42 tahun yang kini masing-masing dikenali sebagai Awang Sulaiman bin Abdullah dan Dayang Siti Haminah bte Kalimang.

Sementara anak-anak mereka masing-masing dikenali; Pulin, 18 tahun Noor Hamizawati bte Sulaiman, Joss, 15 tahun kini dikenali sebagai Mohammad Zulkifli bin Sulaiman, Wilson, 11 tahun - Mohammad Yasin bin Sulaiman, Bill, 10 tahun - Mohammad Yaakub bin Sulaiman, Jimes, 8 tahun - Abdul Khalid bin Sulaiman, Julia 6 tahun - Noor Hanani bte Sulaiman, Robert, 4 tahun - Abdul Rashid bin Sulaiman dan Azimah, 3 tahun dikenali sebagai Noor Azimah bte Sulaiman.

Mereka masing-masing

melaflaskan ikrar Islamnya di hadapan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hadir dan berucap di majlis tersebut Awang Haji Abd. Mokti bin Haji Md. Daud, Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama. Turut berucap ialah Awang Haji Bolhassan bin Kalimang wakil keluarga yang diraikan. Sementara penyampaian cenderamata kepada saudara-saudara baru itu telah disempurnakan oleh Orang Kaya Laila Setia Haji Razali bin Md. Yusof, Penghulu Mukim Labi.

Majlis itu juga telah diserikan zikir marhaban dan di akhiri dengan bacaan doa selamat. Kira-kira seratus orang telah hadir di majlis tersebut.



Awang Haji Ibrahim bin Haji Abd Ghani sedang menyampaikan cek bernilai \$2,400.00 kepada Hamdi dengan disaksikan oleh Awang Haji Abd Mokti bin Haji Md Daud dan dua orang pegawai Bahagian Perkembangan Agama.

Terima derma tunai haji

KUALA BELAIT. — Johan pertandingan membaca Al-Quran bagi saudara-saudara baru peringkat negeri yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama tahun lepas, Awang Hamdi bin Haji Md. Isa dari daerah ini telah menerima dua sum-

bangkan derma bagi perbelanjaan beliau menunaikan fardu haji tahun ini.

Syarikat Awang Damit Sendirian Berhad telah menyumbangkan wang tunai sejumlah \$3,071.50 untuk bayaran bank draft

kepada Awang Sumbangan tersebut disampaikan kepada Haji Abd. Mokti bin Haji Md. Daud, Ketua Pegawai Perkembangan Ugama, Hal Ehwal Ugama negeri pada minggu lepas disaksikan oleh Haji Md. Ali bin Yusof, Penolong Pegawai Perkembangan

Terdahulu Awang Hamdi menerima cek bernilai \$2,400.00 disampaikan kepadanya oleh Awang Haji Ibrahim bin Haji Abd Ghani seorang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk bayaran bank draft

RALAT
Muka surat 5
Kursus Peningkatan
luaran minggu
kesilapan. Pegawai
rasmi kursus
benarnya bukan
Pegawai Hal Ehwal
tapi telah
Awang Haji
Md. Daud, Pemangku
Pegawai Perkembangan
Ugama, Brunei.



Pg. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman.

Ikuti kursus Sarjana Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi pegawai ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama Pg. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman (gambar atas) berlepas ke Kuala Lumpur pada hari Sabtu minggu lalu untuk mengikuti Kursus Sarjana Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah skim cuti belajar selama kira-kira dua hingga tiga tahun.

Sebelum ini, beliau pernah menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir dan memperolehi Izajah B.A. dalam Fakulti Usuluddin (jurusan akidah dan falsafah) dan bertugas sebagai Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh di jabatan berkenaan.



ABAIKAN TUGAS SUATU DOSA

Oleh:
Adol bin Tinggal

Bingkisan
minggu
ini

tidak dapat
bahawa me-
kelalaian,
dan kemalasan
sifat-sifat buruk
menghinggapi
Sungguh pun
perkara yang
diketahui
kelemahannya
bagi setengah
sudah menjadi
yang lumrah yang
di atasi.

lambat-lambatkan
perkerjaan atau
ada tugas dan
kita terhadap
Taala, seperti
ibadat sem-
dan seumpama
atau tugas dan
kita sehari-hari
perkerjaan adalah
perbuatan yang
oleh agama.
wajarliah ianya
dari kebiasaan
kita supaya kita
akan mendapat
Sesungguhnya
jelas bahawa
lambat-lambatkan
tugas dan kewa-
itu tidak lain
bukan yang akan
ialah kerugian
mata. Disebabkan
bagi umat Islam

sedapat-dapatnya
dengan cermat
waktu dan masa
perlu dipenuhi
tugas-tugas yang
dibutuhkan, supaya masa
tidak dilepaskan
begitu saja akibat
dan kecuaiian
tiba waktunya
itu dilakukan
panganlah ia kita
langkahkan atau
kerana kita
dari suka
nangguh-nangguh-

satu hadis
s.a.w. daripada
Umar a.s. telah
"Rasulullah
telah memegang
senyawa bersabda,
diri mu di
sebagai seorang
atau pengem-

Ibnu Umar
pula: "Jika awda
di waktu petang,
tunggu sampai
di waktu
tunggu sam-
gunakanlah
masa sihat
datang sakit, dan
peluang masa
tiba mati."
Kita perhatikan
Rasulullah s.a.w. ini
benar-benar
pengajaran yang
baik sekali, ia
umatnya
di dunia ini
seorang yang

sedang mengembara untuk
menuju ke suatu tempat
asalnya di mana dia akan
tinggal menetap untuk
selama-lamanya, dan un-
tuk menuju ke tempat itu
dia tentu perlu membawa
segala bekalan yang boleh
menjamin keadaan hidup-
nya, kerana tanpa bekalan
dia pasti akan menghadapi
kerumitan dan kepayahan.

Hadis tersebut juga
secara langsung memberi
pengajaran yang meminta
kita supaya berfikir dan
merenong sejenak betapa
hidup kita di dunia ini
tidak kekal, bahkan suatu
masa nanti kita tetap akan
kembali ke tempat asal
pula.

Tetapi kita tidak dapat
menentukan bagaimana
pula keadaan hidup kita di
akhirat nanti kerana
bahagia atau tidaknya
hidup kita di sana tergan-
tong pula kepada bekalan
yang kita sediakan di
dunia ini. Andainya
bekalan kita cukup maka
akan terjaminlah hidup
kita di akhirat dalam kea-
daan aman dan tenteram.
Tetapi sekiranya bekalan
kita nanti tidak memadai,
maka akan meranalah kita
di akhirat nanti, dan
ketika itu tidak ada ertinya
lagi penyesalan bagi setiap
orang kerana keadaan
sudah terlambat untuk
persiapan bagi men-
dapatkan kebahagiaan
hidup di akhirat.

Maka di sini dapatlah di
beri kesimpulan dari apa
yang diberitakan oleh Ibnu
Umar itu tadi, iaitu secara
langsung mengingatkan
kita bahawa dalam
melakukan amal ibadat
yang wajib dikerjakan
kepada Tuhan, janganlah
sekali-kali kita lalai dan
cuai, kerana dalam kea-
daan beginilah manusia
sering ditimpa berbagai-
bagai kemalangan. Memang tidak dapat
disangkal bahawa di
dalam usaha mengerjakan
sesuatu yang diwajibkan
oleh Tuhan, kita sering
lalai dan cuai, terutama
berhubung dengan kewa-
jipan kita kepada Yang
Maha Esa.

Peluang datang sekali setahun
untuk menambahkan takwa dan pahala:

RAMADAN GEDONG PAHALA DAN KEBAJIKAN

MARILAH kita bertakwa kepada Allah s.w.t.
dengan sebenar-benarnya dengan taat menger-
jakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Kita
tingkatkan rasa takwa itu dengan melakukan kedu-
duanya sekali kerana tiada akan sempurna takwa
melainkan mengerjakan suruhan dan menjauhi
larangan. Orang yang hanya suka mengerjakan
suruhan tetapi di waktu yang sama ia tetap melanggar
larangan bukanlah orang yang benar-benar bertakwa,
begitu juga sebaliknya orang yang meninggalkan
larangan tetapi tidak mengerjakan suruhan bukanlah
juga orang bertakwa.

Cuba tanyakan kepada tiap-tiap diri kita selaku
seorang Islam apakah yang telah kita kerjakan setakat
lima hari yang lalu di dalam bulan Ramadan ini?
Adakah kita sempurnakan puasa? Adakah kita
melakukan berbagai-bagai ibadat dan perkara-perkara
yang berkeabajikan seperti bersembahyang tarawih,
bersembahyang witr, membaca Quran, me-
nyungkaikan orang berbuka puasa, membayarkan
bersedekah, bersembahyang tahajjud, mengubah
perangai-perangai buruk dan sebagainya?

Kalau jawapannya ada, alangkah bertuahnya tuan,
kerana tuan telah dapat merebut dengan baik peluang
yang datang di bulan Ramadan ini. Iaitu peluang yang
datang sebulan dalam setahun untuk menambahkan
takwa dan pahala.

Tetapi alangkah ruginya tuan jika jawapan dari
pertanyaan-pertanyaan itu tidak, atau hanya berpuasa
sahaja sedangkan amal-amal kebajikan yang lain itu
tidak tuan lakukan. Apa sebabnya? Kerana banyak
sangat kebajikan yang boleh tuan lakukan dalam bulan
yang mulia ini yang tidak tuan akan perolehi di bulan-
bulan yang lain.

Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang ertinya:
"Barangsiapa yang mendekatkan diri kepada Allah
dalam bulan Ramadan dengan mengerjakan satu
ibadat fardu, nescaya pahalanya dapat menyamai
dengan tujuh puluh fardu yang sama yang dikerjakan
pada bulan selain bulan Ramadan juga barangsiapa
yang mendekatkan diri kepada Allah dalam bulan
Ramadan dengan satu ibadat sunat maka amalan

KHUTBAH JUMAAT



sunatnya itu dapat menyamai ibadat fardu yang
dilakukannya dalam bulan selain bulan Ramadan."

Dari hadis tersebut dapatlah kita fahamkan bahawa
jika kita dapat mengerjakan sesuatu ibadat fardu di
dalam bulan Ramadan nescaya satu fardu itu sama
pahalanya dengan tujuh puluh fardu yang sama yang
kita kerjakan di luar bulan Ramadan. Dan satu ibadat
sunat seperti membaca Quran, sembahyang tarawih
dan witr, bersedekah, menyungkaikan orang, berbuka
puasa, atau yang sebagainya nescaya satu ibadat sunat
itu sama pahalanya dengan satu ibadat fardu yang di
kerjakan di luar bulan Ramadan.

Dalam satu hadis yang lain Rasulullah s.a.w. telah
bersabda ertinya: "Barangsiapa berpuasa Ramadan
dan menambahkannya dengan amalan-amalan sunat
baik waktu siang atau malam hari, dengan penuh
beriman dan ikhlas serta mengharapkan keredaan
Allah semata-mata, nescaya diampunkan baginya
segala dosa-dosanya yang terdahulu."

MENAMBAH AMAL

Dengan keterangan hadis-hadis itu tadi elok
benarlah kita menambahkan amal-amal ibadat kita di
dalam bulan Ramadan ini dan pastikanlah diri kita
supaya jangan tinggalkan barang sehari pun puasa
Ramadan selagi kita tiada didatangi uzur seperti sakit
atau berjalan di dalam sesuatu pelayaran, kerana
senghaja meninggalkan puasa itu amatlah besar
dosanya. Bukan itu saja, bahkan sangatlah bagus jika
kita tambahkan amalan-amalan puasa itu dengan
ibadat-ibadat sunat yang sememangnya sudah dikenal
oleh masyarakat Islam di mana-mana. Tujuannya tiada
lain melainkan mudah-mudahan dengan demikian kita
menjadi orang yang bertakwa kepada Allah, orang
yang sentiasa mengerjakan suruhan-suruhan-Nya dan
menjauhi larangan-Nya, di samping mengharapkan
pahala dan ganjaran yang baik di akhirat daripada
Allah s.w.t.

Satu hal yang ingin kita ingatkan ialah bahawa
sepanjang bulan puasa itu pastikanlah diri tuan supaya
tidak melakukan sesuatu perbuatan yang boleh men-
jatuhkan kehormatan dan nama baik agama dan
masyarakat Islam seumpama makan minum atau
menghisap tembakau atau sigup di khalayak ramai
sama ada tuan sememangnya ada uzur atau tidak.
Kerana perbuatan-perbuatan itu tidak baik dan satu
temparan kepada agama dan masyarakat Islam apalagi
kalau dilihat oleh orang-orang yang bukan Islam.
Jagalah nama baik dan kehormatan agama dan
masyarakat kita dari dicemarkan oleh perbuatan-
perbuatan kita sendiri.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari
terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Tem-
burong mulai dari hari Rabu 22hb Jun, 1983 hingga
ke hari Selasa 28hb Jun, 1983 adalah seperti di
bawah ini:

Hari Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
22hb Jun	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
23hb Jun	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
24hb Jun	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
25hb Jun	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
26hb Jun	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
27hb Jun	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
28hb Jun	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah
Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap
waktu.

CERAMAH RAMADAN

LAILATULQADAR

BILA kita memperkatakan tentang bulan Ramadan sebagai bulan yang mulia, bulan ibadah, bulan taqarrub kepada Allah Azzawajalla dan bulan membersihkan diri dari segala rupa noda dan dosa, maka kita tidak boleh lupa bahawa dalam bulan inilah terdapat suatu malam yang diberi julukan dengan nama "lailatulqadar" atau malam qadar. Apakah dasar pemberian nama julukan ini dan bilakah masanya malam lailatulqadar ini?

Jika segala sesuatu diciptakan oleh Allah dan di anugerahi kelebihan dan perbezaan di antara satu dengan yang lain padahal sama jenisnya, maka demikian itu adalah sesuai dengan rahsia dan hikmat-Nya, yang Dia sendiri saja yang mengetahuinya. Jika demikian, tidaklah menyimpang dari ketentuan dan kebijaksanaan ini bila Allah mengistimewakan satu tempat yang lain, atau mengutamakan suatu masa dari masa-masa yang lain.

Demikianlah keadaannya dengan "lailatulqadar" ini. Tetapi kenapa disebut "lailatulqadar" atau malam kemuliaan?

Kalimah "qadar" sebenarnya mempunyai banyak erti dan banyak penggunaan. Qadar boleh bererti ketentuan seperti bilangan, dan boleh juga bererti penghargaan dan penghormatan. Bahkan qadar ini juga boleh bererti nasib dan takdir. Jadi, lailatulqadar apakah boleh bererti malam yang mempunyai nilai atau bilangan tertentu? Boleh saja, kerana pada lailatulqadar merupakan malam yang bernilai lebih dari seribu bulan sesuai dengan firman Allah di dalam Al-Quran ertinya: "Dan tahukah kamu apa lailatulqadar itu? Lailatulqadar lebih baik dari seribu bulan."

Tetapi bolehkah lailatulqadar itu diertikan malam nasib? Tentu saja, sebab pada malam yang serupa inilah ditentukan urusan/perkara-perkara untuk tahun mendatang, di mana di dalamnya turun ajal-ajal manusia dan rezeki mereka; bertiupnya angin dan turunnya hujan, terjadinya peperangan, perjalanan awan, penerbangan burung-burung, pengembangan binatang-binatang, kelahiran-kelahiran, kematian-kematian dan sebagainya yang akan mencorakkan nasib pada umumnya, agar para Malaikat dapat melaksanakan pada waktunya. Selain dari pada itu, seperti yang diketahui pada malam lailatulqadar inilah turunnya untuk kali pertama kitab suci Al-Quran yang merubah corak kehidupan manusia pada umumnya.

Jika diertikan pula dengan malam penghormatan atau malam penghargaan atau katakanlah malam kemuliaan, apakah hubungan malam qadar ini dengan erti semua itu?

Demikian telah kita katakan, kerana pada lailatulqadar inilah turunnya kitab mulia Al-Quran Al-Karim untuk pertama kalinya, dari siapa? Dari Allah Yang Maha Kuasa dan Yang Maha Mulia.

Kepada siapa? Kepada seorang Nabi dan Rasul yang mendapat kemuliaan dari Allah sehingga dia disanjung dengan firman-Nya ertinya: "Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak/perangai yang mulia." (Surah Al-Qalam: 4)

Dengan perantaraan siapa? Dengan perantaraan malaikat mulia pula iaitu Malaikat Jibril a.s. Kemudian untuk siapa? Untuk umat manusia yang memang dimuliakan oleh Allah pencipta-Nya dengan firman-Nya berbunyi ertinya: "Dan sesungguhnya telah Kami (Allah) muliakan anak-anak Adam." (Surah Al-Isra: 70).

Jadi Al-Quran kitab yang mulia itu, mulia dari segala segi, baik isi dan kandungannya maupun susunan dan tata bahasanya. Jadi kitab Al-Quran yang mulia itu datangnya dari Allah yang Maha Mulia, kemudian dibawa oleh Malaikat mulia, lalu disampaikan kepada nabi Muhammad yang mulia yang akan diikuti kemudiannya umat mulia dan saatnya adalah saat mulia dari bulan mulia iaitu bulan Ramadan. Jadi bererti adegan pelakon semuanya, tempat dan waktunya serba mulia, sewajarnya pula malam itu diberi julukan dengan malam mulia atau lailatulqadar.

Dengan demikian, tidak akan menghairankan jika suatu perbuatan, ibadah amal kebajikan pada malam itu akan mendapat penilaian dan ganjaran yang lebih baik dan lebih bagus dari seribu bulan yang tidak ada lailatulqadarnya. Ingat bukan seribu malam, tetapi seribu bulan.

Oleh sebab itu pula, malam qadar atau lailatulqadar disebut juga sebagai

malam yang diberkati sesuai dengan firman Allah Taala yang berbunyi ertinya: "Hamiim. Demi kitab yang menjelaskan. Sesungguhnya Kami menurunkan pada suatu malam yang diberkati." (Surah A'd Dukhan: 1,2,3)

Yang akan menjadi pertanyaan sekarang, bilakah lailatulqadar itu? Menurut pendapat Juhur Ulamak bahawa lailatulqadar itu tetap akan mengambil tempat dan masa tiap-tiap tahun sekali. Kebanyakan ulamak juga berpendapat, bahawa lailatulqadar itu hanyalah merupakan suatu malam dari bulan Ramadan saja di mana ayat suci Al-Quran yang dijadikan dalil berbunyi tegas dan lantang ertinya: "Bulan Ramadan yang di dalamnya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pemisah." (Surah Al-Baqarah: 185)

Di samping itu juga Allah berfirman yang menjelaskan lagi yang ertinya: "Sebenarnya Kami telah menurunkan pada lailatulqadar."

Dalam sebuah hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam An-Nasai, Baginda bersabda: Yang bererti: "Telah datang pada kamu bulan Ramadan, bulan yang berkat, Allah mewajibkan padanya berpuasa, padanya suatu malam yang lebih baik dari seribu bulan."

Kesimpulannya, lailatulqadar ialah suatu malam di antara malam-malam Ar-Rahmaan, yang Allah telah tentukan kelebihanannya kerana di dalamnya Al-Quran diturunkan dan kerana demikian kadar nilainya diangkat lebih tinggi di atas kadar segala zaman; ia dijadikan musim segala macam ibadah dan waktu untuk mencari kebajikan dan kebaikan, di mana tiap-tiap tahun orang-orang berpuasa menunggu-nunggu kedatangannya; di dalamnya kita memuji dan beribadat kepada Allah yang Maha Agung; di dalamnya kita memperbanyak doa dan taat, yang kita berharap Allah akan menerimanya dan menjadikannya kebaikan dan keberkatan untuk kita semua.

CERAMAH ini disusun oleh Awang Haji Md. Jali bin Abd. Latif, Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan dan di siarkan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILA BERLAKU LAILATULQADAR

Bilakah berlakunya lailatulqadar atau malam qadar itu? Al-Quran sebagai sumber rujukan tidak menerangkan bilakah berlaku lailatulqadar itu. Rasulullah s.a.w. juga tidak menerangkan secara pasti pada malam apa dia lailatulqadar itu.

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. sendiri pada mulanya ingat benar tarikh/masa lailatulqadar itu. Akan tetapi oleh kerana sesuatu hikmah, maka Baginda lupa tidak ingat lagi. Oleh sebab itu Nabi s.a.w. menggerakkan atau menggesa kita umatnya supaya mencari malam qadar pada likur terakhir dari bulan Ramadan.

Rasulullah menyuruh mencarinya di malam-malam yang ganjil dari likur yang akhir itu dengan melipat-gandakan ibadah dan amal kebajikan.

Juhur Ulamak berpendapat bahawa dalam kenyataannya ada dua lailatulqadar. Pertama: Malam qadar lantaran diturunkan padanya Al-Quran iaitu pada malam 17 Ramadan. Menurut pendapat Ibnu Ishaq bahawa malam itu tidak berulang datangnya. Kedua: Malam yang terletak pada malam yang ganjil dari likur yang akhir dari bulan Ramadan. Inilah yang berulang datangnya saban tahun sekali.

Oleh kerana Al-Quran diturunkan di malam al-qadar dan diturunkan dalam bulan Ramadan, maka jelaslah bahawa lailatulqadar adalah dalam bulan Ramadan.

Kebanyakan Para Sahabat berpendapat bahawa lailatulqadar berlaku pada hari yang ketujuh yang akhir dari bulan Ramadan. Begitu juga Juhur Ulamak berpendapat bahawa lailatulqadar terjadi pada malam-malam sepuluh akhir bulan Ramadan. Dan jumlah terbesar di antara mereka menentukan kepastian iaitu pada malam 27 bulan Ramadan berbilang sebuah hadis yang diriwayatkan Imam Muslim dari Ibnu Umar, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda ertinya: "Siapa yang mengharap-harapkan kedatangan malam al-qadar, hendaklah ditunggunya pada malam 27."

(bersambung)

PANDUAN HAJI

(Sambungan)

KELEBIHAN IBADAH

Para jemaah sekalian, sembahyang di Masjidil-Haram atau sembahyang di Masjidil-Haram adalah pahalanya berlipat-ganda, satu rakaat sembahyang di Masjid Nabawi adalah berbanding dengan satu rakaat di masjid lain selain dari Masjid Nabawi. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang Sembahyang di Masjid Nabawi (di Madinah) lebih afdal 1,000 sembahyang di tempat lain selain Masjidil-Haram.

Dan sabda Baginda lagi ertinya: "Sembahyang di Masjidil-Haram adalah lebih afdal 100 sembahyang di tempat lain."

Dari itu para jemaah yang benar-benar mengerti kelebihan ibadah ketika berada di Masjidil-Haram dibandingkan dengan ibadah sembahyang di tempat lain, mereka sentiasa mengerjakan ibadah sembahyang fardu, sembahyang sunat, sembahyang qadar, sembahyang qadar dan lain-lain sembahyang yang dilakukan terus-terusan, kerana merasakan yang begitu berharga tidak mau dilepaskan pula kita orang-orang yang datang dari jauh ke tanah suci, dari itu mereka menghendaki untuk sampai ke tanah suci, kalau memang mempunyai kelebihan kewangan boleh saja pada tiap tahun, tetapi tidak berkesudahan maka itu saja peluang satu-satunya untuk pergi ke tanah suci, dari itu mereka menghendaki detik masa dengan ibadah sembahyang di Masjid Nabawi dan di Masjidil-Haram di Mekah. Urusan harian makan, minum, pakaian dan sebagainya. Kesudahan dan kesengsaraan ketika itu suatu keadaan biasa yang lumrah.


Keadaan kesengsaraan ini ditambah lagi dengan kesan-kesan sampingan hasil perubahan cuaca dan suhu serta makanan yang tidak sesuai dengan kebiasaan dari sebelah sini atau juga para jemaah yang datang dari jauh ke tanah suci, dari itu mereka menghendaki detik masa dengan ibadah sembahyang di Masjid Nabawi dan di Masjidil-Haram di Mekah. Urusan harian makan, minum, pakaian dan sebagainya. Kesudahan dan kesengsaraan ketika itu suatu keadaan biasa yang lumrah.

Ketahuilah tuan/puan bahawa haji itu sekali seumur hidup sekali dalam setahun. Jangan sekali kerana atau disebabkan oleh sesuatu yang tidak selesa dan kesudahan-kesudahan halangan dan keadaan tidak selesa tadi kita orang yang tidak menahan sabar tidak dapat menahan nafsu dengan melakukan perkara yang tidak halal atau maksud ibadah iaitu mencari kesempurnaan atau lebih menguruskan kepentingan dunia lalu mengurangkan kepentingan akhirat. Oleh itu setiap jemaah yang mengembara ke tanah suci adalah tetamu Allah dan penziarah-Nya. Rasulullah s.a.w. ertinya: "Orang yang datang ke tanah suci, adalah rombongan penziarah-Nya, jika mereka mohon keampunan, nescaya ia kurniakan, jika mereka meminta, nescaya ia diampuni dan jika mereka meminta, nescaya dikabulkan dan jika mereka meminta, nescaya syafaat."

Dari tafsiran hadis ini jelas bahawa orang yang datang ke tanah suci adalah untuk mencari keampunan, nescaya ia kurniakan, jika mereka meminta, nescaya ia diampuni dan jika mereka meminta, nescaya dikabulkan dan jika mereka meminta, nescaya syafaat.

Namun begitu kita perlu hati-hati apabila melakukan ibadah yang kita lakukan pokoknya ialah mencari keampunan, nescaya ia kurniakan, jika mereka meminta, nescaya ia diampuni dan jika mereka meminta, nescaya dikabulkan dan jika mereka meminta, nescaya syafaat.

Doa yang diterima dan permintaan yang diterima itu ialah doa daripada orang-orang yang datang ke tanah suci, dari itu mereka menghendaki detik masa dengan ibadah sembahyang di Masjid Nabawi dan di Masjidil-Haram di Mekah. Urusan harian makan, minum, pakaian dan sebagainya. Kesudahan dan kesengsaraan ketika itu suatu keadaan biasa yang lumrah.



Salam dari
Padang Minyak

KURSUS BAGI PEMBORONG

SERIA. — Dalam usaha untuk meluaskan kemahiran tenaga bagi para pemborong-pemborong tempatan yang menjalankan kerja untuk Shell Brunei, Syarikat ini pada 28hb. Mei lepas telah memulakannya dengan mengadakan Seminar Bahasa Melayu yang pertama dan berkemungkinan akan diadakan secara tetap.

Semua 19 orang pemborong telah menghadiri kursus tersebut selama seminggu yang diperkembangkan untuk Shell Brunei oleh Pusat Perkembangan Eksekutif di Kuala Lumpur.

Seminar tersebut telah dianjurkan oleh penasihat tempatan Shell Brunei, Awg. Alan Cray dan Dr. Faridah Shamuddin, Pengarah Urusan (DGC) (PPE).

Pada hujung minggu ini, seminar tersebut meliputi mengenai dan kemahiran tenaga yang termasuk 'business game'. Pada hari Isnin hingga Kamis pula telah diadakan ceramah, penyampaian dan perbincangan mengenai bahan-bahan luar yang boleh diperolehi oleh para pemborong seperti kewangan dan undang-undang mengenai penentuan harga dan pemborong serta peraturan-peraturan pasaran. Hanya telah diadakan dalam dua kumpulan yang berasingan.

Seminar tersebut diadakan bertujuan untuk memenuhi keperluan di Brunei terutama sekali bagi para pemborong Shell.

Pegawai Keselamatan berkursus

SERIA. — Tiga orang kakitangan dari Pejabat Keselamatan Brunei Shell baru-baru ini telah berlepas ke United Kingdom bagi menghadiri kursus selama 10 minggu dalam hal ehwal pengurusan keselamatan.

Mereka ialah Pegawai Keselamatan Osman bin Haji Abang Razali dan dua pegawai pelatih keselamatan Ahmad Taha dan Saiful Rezal Yong Abdullah.

Semasa menjalani latihan mereka akan mempelajari kesemua aspek mengenai keselamatan perusahaan, kebersihan perusahaan, kesihatan pekerja dan lain-lain.

Semua kursus ini dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan British di London. Manakala di akhir kursus itu nanti, peserta-peserta kursus akan menduduki peperiksaan dan mereka yang lulus akan menerima diploma.

Setelah tamat berkursus Ahmad dan Saiful akan kembali ke Brunei manakala Osman akan menjalani penempatan kerja dengan SIPM dan NAM (Netherlands Aerdolie Mij., B.V.) di Holland.

Kemajuan pelantar Champion 7

SERIA. — Champion 7 kini semakin menampakkan kemajuan dan perkembangan besar apabila pelaksanaan projek itu diperingkat terakhir telah pun selesai di dalam beberapa minggu yang lalu.

Di peringkat terakhir sistem ini, telah menuju ke arah penggunaan sepenuhnya dan dengan perkembangan besar yang terlaksana terhadap kewujudan gas penggerak. Dan kesemua sistem penyampai kuasa di kompleks ini di gerakkan olehnya melalui unit-unit pembekal kuasa Ruston yang beroperasi secara otomatis penuh.

Gas tekanan rendah kini telah juga terdapat daripada kesemua kemudahan-kemudahan pengeluaran luar dan juga di CPPP-7 untuk memberikan sokongan kepada sistem penekanan gas yang terlancar, iaitu dengan menggunakan dua unit kuasa penekan Ruston dan Coberra.

Dalam masa dua bulan yang akan datang kedua-dua unit ini akan dilancarkan dengan penuh bersama-sama dengan sistem "Glycol" yang diperlukan bagi mengerikan gas "basah" sebelum penekanan.

Program permulaan penyerapan air yang dilaksanakan pada enam minggu kebelakangan ini dengan menggunakan air masin akan melangkah ke hadapan lagi apabila pembekalan air laut ke atas saluran-saluran penyerapan air akan dimulakan dengan menggunakan air masin yang sudah pun dibersihkan.

